

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 JUNE 2016

Dr. Mahathir dicabar tubuh parti

um - 26/6/2016

KUALA LUMPUR 25 Jun - Tun Dr. Mahathir Mohamad dicabar supaya menubuhkan parti baharu jika benar bekas Perdana Menteri itu mahu menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Presiden Parti Kebangsaan India Malaysia (MUIP), Tan Sri S. Nallakaruppan (**gambar**) berkata, penubuhan parti baharu itu merupakan platform bersesuaian untuk mencapai apa sahaja matlamat politiknya berbanding berjuang di 'tepi-tepi jalan' kerana cara sedemikian langsung tidak memberi apa-apa keuntungan.

Malah, katanya, rakyat sudah tidak dapat menerima kempen terbuka Dr. Mahathir bersama pakatan pembangkang dan itu terbukti melalui keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kangsar dan Sungai Besar baru-baru ini.

"Dr. Mahathir boleh tubuhkan parti baharu untuk melawan Na-

jib dan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang. Jangan hanya pergi di jalanan yang hanya merosakkan imej negara dan rakyat.

"Beliau boleh memilih anaknya, Mukhriz untuk jadi presiden parti itu. Dari situ kita boleh tengok beliau masih berpengaruh atau pun tidak. Jangan jadi seorang yang hanya berani pukul gendang di tepi gelanggang," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.



Dalam pada itu, Nallakaruppan berkata, segala apa yang Dr. Mahathir lakukan adalah untuk 'Selamatkan Mukhriz' dan bukannya 'Selamatkan Malaysia' memandangkan kerjasama beliau dengan pembangkang hanya berlaku selepas anaknya dipecat dari jawatan Menteri Besar Kedah.

Kata beliau, Dr. Mahathir juga perlu sedar DAP dan PAN hanya bermain wayang dengan rakyat apabila mereka berpura-pura

memberi sokongan kepada beliau atas alasan mahu Selamatkan Malaysia sedangkan Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan Presiden PAN, Mohamad Sabu mengetahui beliau amat terdesak untuk menyelamatkan Mukhriz.

"Jika pembangkang secara jujur mahu Selamatkan Malaysia, maka saya cabar mereka membuat jemputan secara terbuka kepada Dr. Mahathir untuk menyertai parti mereka. Tetapi kenapa perkara itu tidak berlaku? Sudah tentu pembangkang juga tidak mahu dipergunakan," katanya.

Nallakaruppan berkata, sudah tiba masanya kerajaan mengambil tindakan sewajarnya ke atas Dr. Mahathir daripada terus membenarkan beliau membuat hasutan kepada rakyat dan memburuk-burukkan kerajaan tanpa fakta.

"Saya hairan kenapa pihak berkuasa masih berdiam diri dan merelakan beliau berbuat apa sahaja sedangkan beliau merosakkan negara dan memecahbelahkan orang Melayu setelah 22 tahun membina parti BN sebagai Perdana Menteri," katanya.